

DARI kanan Dr Shahrom, Reza dan H G de Koning pada sidang media di PPUKM, semalam.



KES BUNUH WANITA MALAYSIA DI THAILAND

BONGKAR SEMULA

■ **Mahkamah lulus bedah siasat rangka mangsa bunuh lapan tahun lalu**

Asrizal Aris

asrizal.aris@hmetro.com.my

Kuala Lumpur

Satu kes dipercayai pembunuhan membabitkan wanita rakyat Malaysia, A Fairos Ahmad Sulaiman yang ditemui mati di Thailand pada Oktober 2008 disiasat semula.

Dalam kejadian itu, rangka mayat wanita berkenaan ditemui dalam tangki najis di rumah sewanya di Rانون, Phuket selepas didakwa hilang sejak November 2007 manakala suaminya berbangsa Belanda yang dipercayai terbabit dalam jenayah itu gagal di kesan.

Mahkamah Majistret Kuala Kangsar meluluskan permohonan Timbalan Pendakwa Raya Belanda pada 11 Mei lalu untuk menjalankan bedah siasat ke atas rangka mayat Fairos yang ditanam di Tanah Perkuburan Temong Hilir.

Seramai 10 pakar forensik dari Belanda dibantu pasukan perubatan Hospital Canselor Tuanku Muhriz (HCTM) Pusat Perubatan Universiti Kebangsaan Malaysia (PPUKM) dan Hospital Kuala Lumpur menjalankan siasatan itu sejak Ahad lalu.

Patologis Forensik HCTM PPUKM Prof Dr Shahrom Abd Wahid berkata, rangka

itu dibawa ke siasatan makmal untuk analisis morfologi, imbasan mikroskop elektron dan digital autopsi bagi mengesan tanda kecederaan bagi dijadikan bukti.

Katanya, penyiasatan kes itu dilakukan atas permohonan kerajaan Belanda selepas dokumentari mengenai perjalanan kes berkenaan yang membabitkan warga Belanda ditayangkan di negara Eropah terbabit.

"Berdasarkan kejadian tujuh tahun lalu, individu yang dilihat boleh menjadi suspek dalam kes ini adalah suami mangsa dan kerajaan Belanda meminta siasatan kes pembunuhan untuk mendakwa pihak terbabit.

"Bagaimanapun, kita tidak boleh membuat keputusan lagi kerana kita menunggu siasatan menyeluruh," katanya dalam sesi penerangan siasatan makmal di Unit Forensik HCTM PPUKM, di sini, semalam.

Menurutnya, siasatan dijangka mengambil masa tiga hari lagi sebelum keputusan serta maklumat diperoleh dikumpul untuk dianalisis.

Turut hadir dalam sesi penerangan itu Pendakwa Raya Belanda H G de Ko-

ning, Saintis Forensik Erwin Vermeij dan Forensik Antropologi Reza Gerretsen.

Sementara itu, bapa saudara Fairos, Mohd Noor Siril berkata, keluarga Allahyarham masih menunggu proses siasatan dan enggan memberi komen berkenaan tragedi yang menimpa wanita terbabit.

"Kami sekeluarga tidak boleh memberi apa-apa maklum balas berkenaan

penyiasatan ini atas permintaan pihak berkuasa kerana kes itu dalam proses siasatan.

"Perasaan memang sedih.

Kita tunggu sehingga kes ini selesai serta bukti untuk mendakwa pihak terbabit," katanya, semalam.

Pada 2007, A Fairos bersama suami serta seorang anak lelaki berhijrah dari Kampung Temong Hilir ke Bangkok dan didakwa hilang beberapa bulan selepas itu sebelum rangka mayatnya ditemui di tangki najis bersimen dipercayai dibunuh.

Sebelum kejadian, mangsa sempat memberitahu ibunya dia sering didera suaminya.

Bagaimanapun, pihak berkuasa Thailand menemui jalan buntu menyiasat kes itu kerana tiada perjanjian ekstradisi antara negerinya dan Belanda.

FAKTA
Suspek utama kes adalah suami mangsa